

Elektrolit Dwi Lapisan bagi Sel Fuel Oksida Pepejal Bersuhu Sederhana-Rendah: Ulasan Kajian

by Dedi Karni

FILE	KEJUT_1.PDF (1.77M)		
TIME SUBMITTED	03-MAR-2021 08:23PM (UTC-0800)	WORD COUNT	5139
SUBMISSION ID	1523792461	CHARACTER COUNT	30247

25
**Elektrolit Dwi Lapisan bagi Sel Fuel Oksida Pepejal Bersuhu Sederhana-Rendah:
Ulasan Kajian**

47
(Bilayered Electrolyte for Intermediate-Low Temperature Solid Oxide Fuel Cell: A Review)

Nurul Akidah Baharuddin^a, Andanastuti Muchtar^{a,b*}

^aFuel Cell Institute

^bCentre for Engineering Materials and Smart Manufacturing (MERCU), Faculty of Engineering & Built Environment,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Dedi Karni Panuh^c

^cDepartment of Mechanical Engineering, Faculty of Engineering, Universitas Islam Riau, Indonesia

ABSTRACT

57
Fuel cell is an energy converter device that generates electricity through electrochemical reaction between hydrogen and oxygen. An example of fuel cell is the solid oxide fuel cell (SOFC) which uses a ceramics based solid electrolyte. Due to the use of ceramics, SOFC normally operates at high temperatures up to 1000°C. This high operating temperature makes SOFC known for its efficient energy conversion capability and excellent fuel flexibility. However, despite the advantages, the extreme temperatures 37 of the uses of SOFC. High operation temperature leads to long term operational issues in durability and cell degradation. Yttria stabilized zirconia, YSZ is a commonly used material for electrolyte in high temperature SOFCs. However, YSZ electrolyte is unable to reform well when the operating temperature is reduced to intermediate-low zones below 800°C. Thus, development of new materials for SOFC components is needed whereby the production of electrolyte materials becomes one of the main scopes for research in intermediate-low temperature SOFCs. Apart from the synthesis of new materials, another approach in increasing the ionic conductivity of intermediate-low temperature SOFC is through the fabrication of a bilayered electrolyte. As such, this review article focuses on the potential of bilayered electrolyte for intermediate-low temperature SOFCs.

60

Keywords: Fuel cell; solid oxide fuel cell; electrolyte; bilayered

ABSTRAK

Sel fuel merupakan peranti penukar tenaga yang menghasilkan tenaga elektrik daripada tindak balas elektrokimia antara hidrogen dengan oksigen. Sel fuel oksida pejal (SFOP) pula merupakan salah satu jenis sel fuel yang menggunakan pepejal elektrolit berasaskan bahan seramik. Berikutnya penggunaan seramik, SFOP kebiasaannya beroperasi pada suhu tinggi mencecah 1000°C. Suhu operasi yang tinggi menjadikan SFOP dikenali sebagai sel fuel yang mempunyai kebolehan menukar tenaga yang efisien di samping mempunyai kelebihan fuel yang baik. Namun, di sebalik kelebihan tersebut, pengaplikasian SFOP dikekang oleh suhu operasi yang terlampaui tinggi. Selain itu, suhu yang tinggi turut menyumbang kepada masalah ketahanan dan degradasi sel dalam tempoh operasi yang panjang. Elektrolit daripada bahan zirkonia terstabil yttria (yttria stabilized zirconia, YSZ) dikenal pasti sebagai bahan elektrolit lazim bagi SFOP bersuhu tinggi. Akan tetapi, elektrolit YSZ tidak dapat berfungsi dengan baik apabila suhu operasi SFOP diturunkan ke zon sederhana-rendah iaitu di bawah suhu 800°C. Penyelidikan berkaitan pembangunan bahan baru bagi komponen-komponen SFOP adalah amat diperlukan; dan penghasilan bahan baru bagi elektrolit merupakan salah satu cabang utama kajian penyelidikan berkaitan SFOP bersuhu sederhana-rendah. Selain penghasilan bahan baru, terdapat pendekatan lain dalam meningkatkan kekonduksian ionik SFOP bersuhu sederhana-rendah iaitu melalui penghasilan elektrolit dwi lapisan. Oleh itu, ulasan kajian ini akan menumpukan perbincangan kepada potensi elektrolit dwi lapisan bagi SFOP bersuhu sederhana-rendah.

Kata kunci: Sel fuel; sel fuel oksida pejal; elektrolit; dwi lapisan


PENGENALAN

Sel fuel merupakan peranti penukar tenaga yang menghasilkan tenaga elektrik daripada tindak balas elektrokimia di antara fuel (hidrogen) dengan oksigen (Abdalla et al. 2018). Sehingga kini, terdapat pelbagai jenis sel fuel yang dihasilkan

dan tiap salah satunya dibezakan melalui jenis elektrolit yang digunakan (Baharuddin et al. 2017). Sel fuel oksida pejal (SFOP) adalah sejenis sel fuel yang menggunakan elektrolit dalam bentuk pepejal berasaskan bahan seramik (Anwar et al. 2016; Kharton et al. 2004). SFOP dikenali sebagai sel fuel yang mempunyai kecekapan penukar tenaga yang cemerlang

di samping mempunyai kelebihan fuel yang baik (boleh menggunakan hidrogen dan hidrokarbon) (Rahman et al. 2010).

Tidak seperti sel fuel membran proton yang bergantung sepenuhnya kepada hidrogen tulen sebagai fuel, penggunaan hidrokarbon dalam SFOP meminimumkan penghasilan CO berikutan pengaplikasian kaedah pembentukan semula tenaga dalam yang mengitar semula CO bagi membekalkan H^+ pada anod sel (Ahmed & Föger 2017; Nahar et al. 2017). Kemampuan untuk mengitar semula CO ini menjadikan SFOP unik dalam kelasnya yang tersendiri. Bahagian atau komponen asas yang membentuk SFOP adalah sama seperti sel fuel yang lain. SFOP mengandungi tiga komponen utama iaitu anod, katod dan elektrolit (Irshad et al. 2016; Mahmud et al. 2017) seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Komponen elektrolit pepejal berdasarkan bahan seramik memainkan dua peranan utama; pertama sebagai lapisan pemisah yang mengasingkan fuel di anod dengan oksigen di bahagian katod dan kedua, sebagai lapisan pengkonduksi ion oksida (O^{2-}) bagi membenarkan O^{2-} bertindak balas dengan proton, H^+ di bahagian anod (Biswas & Sadanala 2013; Faro et al. 2009).



RAJAH 1. Prinsip kerja asas SFOP


Ion O^{2-} terhasil melalui tindak balas penurunan oksigen yang mengambil tempat di bahagian katod (Baharuddin et al. 2013; Sugiura et al. 2016). Semasa tindak balas antara ion O^{2-} dengan H^+ berlaku, elektron dihasilkan dan dialirkan ke litar luar menuju ke katod, dan menyebabkan kitaran penurunan oksigen dapat berlaku secara berterusan (Huang & Goodenough 2009; Liu et al. 2011). Tindak balas keseluruhan yang berlaku dalam SFOP dapat dilihat dalam Persamaan 1 berikut:



Jika melihat kepada komponen secara berasingan, tindak balas separa yang berlaku di bahagian katod adalah seperti dalam Persamaan 2 berikut:



Manakala, tindak balas separa yang berlaku pada komponen anod pula adalah seperti dalam Persamaan 3:



SFOP BERSUHU RENDAH

Penurunan prestasi bagi operasi dalam jangka masa panjang serta suhu operasi SFOP yang tinggi sehingga mencecah $1000^\circ C$ menjadi penghalang utama yang menghalang teknologi SFOP daripada dikomersialkan secara meluas dalam pelbagai cabang aplikasi (Steele & Heinzel 2001; Yamamoto 2000). Pengurangan suhu operasi sehingga suhu $400^\circ C$ akan membolehkan SFOP digunakan secara meluas dalam menjana tenaga di kawasan kediaman dan peranti mudah alih (Dziurdzia et al. 2015; Stambouli & Traversa 2002). Bahan elektrolit lazim yang digunakan dalam SFOP bersuhu tinggi adalah seramik zirkonia terstabil yttria (**yttria-stabilized zirconia, YSZ**) (Buccheri et al. 2011; Ma et al. 2007). Selain YSZ, lantanum strontium manganit (*lanthanum strontium manganite, LSM*) pula dijadikan bahan utama dalam membentuk komponen katod SFOP bersuhu tinggi (Conceicao et al. 2009; Marinšek 2009).

Pemilihan bahan-bahan yang berprestasi cemerlang pada suhu ekstrem ini sebenarnya melibatkan kos bahan dan pemprosesan yang tinggi (Irshad et al. 2016; Ma et al. 2007). Selain itu, pada suhu tinggi dan tempoh operasi yang panjang, berlaku perubahan struktur dan tindak balas yang tidak diingini di antara komponen. Sebagai contoh, pada persekitaran operasi yang ekstrem, elektrolit seramik YSZ bertindak balas dengan katod LSM, lalu membentuk fasa asing iaitu lantanum zirkonat yang akan menyebabkan penurunan prestasi sel melalui peningkatan nilai rintangan (Labrincha et al. 1993; Van Roosmalen & Cordfunke 1992). Justeru, penurunan suhu operasi SFOP dilihat mampu mengatasi isu seperti ini.

Namun, penurunan suhu operasi kepada zon operasi yang lebih rendah ($400^\circ C$ hingga $800^\circ C$) menyebabkan prestasi elektrolit seramik YSZ sedia ada merudum disebabkan oleh peningkatan rintangan (Anwar et al. 2017). Oleh itu, kajian pembangunan bahan baharu dengan proses pembuatan yang sesuai diperlukan untuk memperbaiki sifat bahan supaya sesuai beroperasi pada suhu sederhana-rendah (Raharjo et al. 2012). Penurunan suhu operasi SFOP juga membolehkan bahan dengan kos lebih rendah digunakan dalam pembuatan komponen sel SFOP. Memandangkan kekonduksian ionik komponen elektrolit memainkan peranan utama dalam menentukan prestasi SFOP bersuhu sederhana-rendah yang dihasilkan, adalah menjadi suatu keperluan kepada penyelidik untuk menambah baik komponen elektrolit terlebih dahulu.

KOMPONEN ELEKTROLIT SFOP BERSUHU RENDAH

Elektrolit dalam SFOP haruslah memiliki kekonduksian ionik yang tinggi, bertindak menghalang elektron mengalir melaluiinya dan berperanan menghindari lintar pintas antara dua elektrod (anod dan katod) (Kharton et al. 2004; Singh et al. 2017). Selain itu, elektrolit juga harus stabil pada persekitaran tindak balas penurunan dan pengoksidasi. Pengkonduksi ionik yang baik seperti seramik YSZ memberikan kekonduksian yang munasabah pada suhu

melebihi 800°C dan stabil dalam persekitaran SFOP bersuhu tinggi (Barnett 1990). Pada suhu operasi 1000°C , elektrolit seramik YSZ akan memberikan kekonduksian maksimum dan akan menghasilkan kekosongan oksigen dengan tiga ion O^{2-} menggantikan empat ion O_2^- .

Kekosongan tapak oksigen ini akan menyebabkan berlakunya peningkatan kekonduksian ionik di elektrolit (Tian et al. 2011). Namun, usaha menurunkan suhu operasi SFOP membawa kepada penurunan prestasi elektrolit seramik YSZ. Elektrolit YSZ menunjukkan kekonduksian yang agak rendah pada suhu operasi sederhana-rendah jika dibandingkan dengan prestasi yang ditunjukannya pada suhu 1000°C (Winnewicz & Cooper 2005). Pada peringkat permulaan kajian SFOP bersuhu sederhana, sebahagian penyelidik masih menggunakan bahan seramik YSZ sebagai elektrolit dengan mengambil pendekatan mengurangkan ketebalan elektrolit sehingga $100\ \mu\text{m}$ untuk mendapatkan kekonduksian ionik yang tinggi.


Walau dengan pendekatan tersebut, elektrolit seramik YSZ menunjukkan kemerosotan prestasi yang terlalu kritis pada suhu di bawah 600°C (Ma et al. 2014). Penurunan ketebalan elektrolit YSZ sehingga mencapai $1\ \mu\text{m}$ didapati menunjukkan potensi yang lebih baik dalam operasi sederhana-rendah berikutnya nilai rintangan yang rendah direkodkan (Yamamoto 2000). Akan tetapi elektrolit filem nipis seramik YSZ yang digunakan dalam SFOP bersuhu sederhana-rendah kurang menarik minat para penyelidik kerana melibatkan proses pembuatan filem nipis yang lebih rumit. Selain daripada usaha menurunkan ketebalan elektrolit SFOP, beberapa bahan baru dikaji agar dapat digunakan serta merta dalam SFOP bersuhu sederhana-rendah tanpa perlu meminimumkan ketebalan elektrolit.

Di antara perkara yang dinilai dalam menentukan potensi bahan-bahan baru bagi elektrolit ini adalah dengan melihat kepada nilai keupayaan litar terbuka (*open circuit potential*, OCP) yang dihasilkan. Bahan-bahan baru yang dikaji antaranya adalah seperti seri terdop samarium (*samarium doped ceria, SDC*), seri terdop gadolinium (*gadolinium doped ceria, GDC*), bariuksida serta (BaCeO_3) dan bismut oksida (Bi_2O_3) (Aspiala et al. 2014; Joh et al. 2016; Leng et al. 2004; Liu et al. 2012; Ranran et al. 2006). Bahan seramik berdasarkan seri seperti SDC dan GDC merupakan bahan yang memberikan kekonduksian dan domain elektrolitik yang tinggi. SDC dan GDC merupakan contoh bahan elektrolit yang boleh beroperasi pada suhu sederhana-rendah kerana memiliki kekonduksian ionik yang tinggi pada suhu rendah (Leng et al. 2004; Liu et al. 2012). Pada suhu 500°C hingga 800°C , seri tulen memiliki kekonduksian ion yang tinggi dan atom-atom oksigen tersedia untuk bergerak yang akan menyebabkan berlakunya kekonduksian ionik.

Kehadiran bahan dop seperti samarium dan gadolinium ke dalam seri akan meningkatkan jumlah kekosongan oksigen sebagai penjana kekonduksian ionik tanpa penambahan cas elektron. Walau bagaimanapun, pada tekanan rendah separa oksigen, elektrolit berdasarkan seramik SDC dan GDC akan mengalami proses pencampuran kekonduksian ionik dengan elektron. Perkara ini akan mengakibatkan penurunan elektron

Ce^{4+} kepada Ce^{3+} . Pencampuran ini akan menyebabkan berlakunya lintar pintas yang membawa kepada penurunan prestasi sel (Zhang et al. 2011).

Bagi elektrolit berdasarkan bahan barium serat (BaCeO_3) pula, ia akan memiliki sifat campuran pengalir ion oksigen dan proton pada julat suhu 600°C hingga 1000°C dan menunjukkan sifat kekonduksian jenis $-P$ dalam tekanan sekitar separa oksigen (Paria & Maiti 1984). Campuran kekonduksian ini menyebabkan OCP sel menjadi rendah. Namun begitu, penyelidikan terhadap elektrolit BaCeO_3 kurang mendapat perhatian kerana nilai kekonduksian ioniknya didapati masih rendah berbanding dengan bahan-bahan lain. Bismut oksida (Bi_2O_3) pula menunjukkan polimorfisme dan mempunyai sifat fasa-fasa α , β , γ , δ yang dikaji secara sistematis (Harwig & Weenk 1978; C. Huang et al. 2006; Norberg et al. 2011). Data struktur untuk semua fasa Bi_2O_3 diringkaskan seperti dalam Rajah 2.



RAJAH 2. Peralihan fasa oksida bismut. Medernach & Snyder (1978)

Pada suhu tinggi di atas 825°C , Bi_2O_3 mengalami penguraian dan pada suhu di antara 635°C hingga 825°C , Bi_2O_3 membentuk struktur kub fluorit berbentuk fasa $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ dan memiliki sifat kekonduksian ion yang tinggi. Penurunan suhu sehingga 620°C menyebabkan berlakunya perubahan fasa kepada α -monoklinik. Pendinginan sehingga suhu 646°C dengan lindap kejut akan mengubah fasa Bi_2O_3 menjadi fasa metastabil β -tetragon. Penurunan sehingga suhu 635°C tanpa lindap kejut pula menghasilkan fasa metastabil dengan kekisi kubus berpusat jasad (*body centered cubic, BCC*) atau disimbolkan dengan γ .

Kekonduksian ionik fasa α , β , γ , δ secara sistematis telah dikaji dan diukur oleh (Harwig & Weenk 1978). Menurut kajian mereka, $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ memperkenalkan kekonduksian yang tinggi seperti ditunjukkan dalam Rajah 3. Peningkatan suhu perlakuan panas daripada 800 K (527°C) hingga 1000 K (727°C) telah meningkatkan nilai \log kekonduksian ionik sehingga $-4\ \text{Scm}^{-1}$ dan peningkatan suhu sehingga 1100 K (827°C) telah meningkatkan nilai \log kekonduksian ionik sehingga $1\ \text{Scm}^{-1}$. Proses lindap kejut dan penurunan suhu daripada 920 K (647°C) hingga 860 K (587°C) telah merubah fasa Bi_2O_3 menjadi α dan menurunkan nilai log kekonduksian

ionik sehingga -5 Scm^{-1} . Penurunan suhu secara perlahan daripada 900 K (627°C) hingga 780 K (507°C) telah mengubah fasa $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ menjadi $\beta\text{-Bi}_2\text{O}_3$, dan penurunan sehingga suhu 700 K (427°C) telah mengubah fasa Bi_2O_3 menjadi $\alpha\text{-Bi}_2\text{O}_3$. Sehubungan itu, nilai log kekonduksian ionik turun daripada 1 Scm^{-1} kepada -3.5 Scm^{-1} dan kemudiannya menurun sehingga -5 Scm^{-1} (Shuk et al. 1996).


Pengurangan suhu dengan lebih perlahan daripada 900 K (627°C) hingga 780 K (507°C) telah mengubah fasa $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ menjadi $\gamma\text{-Bi}_2\text{O}_3$, dan penurunan sehingga suhu 700 K (427°C) telah mengubah fasa Bi_2O_3 menjadi $\alpha\text{-Bi}_2\text{O}_3$. Selari dengan itu, nilai log kekonduksian ionik turun daripada 1 Scm^{-1} kepada -4 Scm^{-1} , kemudiannya turun pula sehingga sekitar -5 Scm^{-1} . $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ tulen memperkenan kekonduksian yang tinggi disebabkan oleh strukturnya yang boleh menampung gangguan atom pada tahap tinggi. Bagaimanapun, fasa $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ berubah dengan mendadak pada suhu di bawah 730°C . Oleh itu, penggunaan $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ sangat terhad pada julat suhu yang kecil iaitu pada suhu 730°C hingga 824°C (Shuk et al. 1996).

Pada suhu tinggi, fasa Bi_2O_3 perlu distabilkan supaya dapat digunakan sebagai elektrolit SFOP bersuatu sederhana rendah. Bi_2O_3 telah distabilkan dengan bahan lain seperti yttrium (Y), eribium (Er) dan serum (Ce) menjadi komposit bagi membentuk struktur kuab fluorit bagi meningkatkan kekonduksian ionik Bi_2O_3 . Beberapa kajian telah dilakukan untuk menstabilkan fasa $\delta\text{-Bi}_2\text{O}_3$ pada suhu rendah dengan pertambahan lantanid ($(\text{Bi}_2\text{O}_3)_{1-x}(\text{Ln}_2\text{O}_3)_x$) (Iwahara et al. 1981). Walau bagaimanapun, disebabkan jejari yang tidak sesuai antara hos dan kation pengedop, penstabilan struktur telah menyebabkan penurunan kekonduksian ionik. Hubungan antara saiz jejari ion dengan kepekatan minimum, X_{\min} bahan dop lantanid, Ln^{3+} yang terdiri daripada Yb^{3+} , Er^{3+} , Y^{3+} , Dy^{3+} dan Gd^{3+} dalam menstabilkan struktur fasa ditunjukkan dalam Rajah 4 berikut.


Pencampuran Bi_2O_3 dengan Gd^{3+} bagi tujuan penstabilan Bi_2O_3 dengan jejari ion 0.106 nm telah menghasilkan julat X_{\min} di antara 0.30 hingga 0.35 . Seterusnya, penstabilan Bi_2O_3 dengan Dy^{3+} pada jejari ion 0.103 nm membentuk julat X_{\min} dari 0.25 hingga 0.30 . Penstabilan struktur Bi_2O_3 dengan pengedopan Y^{3+} ($R_{\text{ion}} = 0.101 \text{ nm}$) dapat dilakukan pada julat kepekatan minimum, X_{\min} di antara 0.20 hingga 0.25 . Pengedopan Er^{3+} ($R_{\text{ion}} = 0.100 \text{ nm}$) pula memberikan nilai X_{\min} di antara 0.15 hingga 0.18 .

Bahan dop dengan nilai R_{ion} terendah iaitu 0.098 nm dimiliki oleh Yb^{3+} yang mempunyai nilai X_{\min} dalam julat 0.24 hingga 0.35 (Iwahara et al. 1981; Verkerk & Burggraaf 1981). Dalam menentukan sama ada R_{ion} atau X_{\min} mempunyai kesan yang lebih signifikan pada kekonduksian elektrik $(\text{Bi}_2\text{O}_3)_{1-x}(\text{Ln}_2\text{O}_3)_x$. Verkerk dan Burggraaf (1981) telah menjalankan penyelidikan yang lebih lanjut. Keputusan kepada penyelidikan ini dapat dilihat dalam Rajah 5.

Keputusan yang diperoleh berikut membuktikan bahawa peranan kepekatan bahan dop minimum adalah lebih penting dalam menstabilkan fasa kuab Bi_2O_3 berbanding faktor R_{min} dalam mencapai kekonduksian maksimum. Selain itu, untuk kesemua bahan dop lantanid yang dikaji, kekonduksian




RAJAH 3. Kekonduksian Bi_2O_3 pada suhu berlainan. Shuk et al. (1996)



RAJAH 4. Julat kepekatan minimum, X_{\min} bahan dop yang diperlukan untuk menstabilkan fasa kuab fluorit dalam struktur $(\text{Bi}_2\text{O}_3)_{1-x}(\text{Ln}_2\text{O}_3)_x$ melawan nilai jejari ion (R_{ion}) lantanid Verkerk & Burggraaf (1981)

tertinggi telah diperoleh bagi Bi_2O_3 dengan bahan dop Er dan Y, dengan Er dilihat menyumbang kepada kekonduksian yang lebih berbanding Y. Walau bagaimanapun, nilai kekonduksian sahaja tidak mencukupi untuk membolehkan Er dipilih sebagai bahan dop


elektrolit SFOP. Faktor kestabilan bahan telah mendorong bahan dop Y atau Y^{3+} dipilih sebagai bahan dop atau komposit elektrolit SFOP (Verkerk & Burggraaf 1981).



RAJAH 5. Kekonduksian elektrik bagi $(\text{Bi}_2\text{O}_3)_{1-x}(\text{Ln}_2\text{O}_3)_x$ pada kepekatan minimum, X_{\min} melawan jejarinya ion Ln^{3+}
Verkerk dan Burggraaf (1981)

ELEKTROLIT DWI LAPISAN

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, elektrolit dalam SFOP memiliki beberapa fungsi penting antaranya sebagai pemisah di antara anod dengan katod untuk menghalang pembakaran hidrogen secara langsung dan juga bertindak sebagai laluan untuk ion oksida berpindah dari katod ke anod. Oleh itu, elektrolit haruslah memiliki sifat-sifat seperti kedap gas, kekonduksian elektron yang rendah, kekonduksian ionik yang tinggi dan stabil dalam persekitaran tindak balas penurunan dan pengoksidaan. Perbandingan bagi kekonduksian elektrolit berasaskan bismut oksida terdop dengan elektrolit jenis lain dapat dilihat dalam Rajah 6.



RAJAH 6. Perbandingan kekonduksian ion oksida berasaskan bismut berbanding dengan bahan lain pada pelbagai suhu operasi.
Steele (1996)


Berdasarkan rajah tersebut, kehadiran bahan dop Y atau dipanggil yttria dilihat memberi kesan positif pada kekonduksian ionik bahan beraskan Bi_2O_3 . Sifat elektrikal dan terma fasa δ terstabil yttria pernah dikaji oleh penyelidik terdahulu (Changzhen et al. 1984; Watanabe & Kikuchi 1986). Fasa δ dijumpai pada sampel yang mengandungi 25 mol% Y_2O_3 dan 75 mol% Bi_2O_3 yang merupakan fasa terstabil pada suhu di bawah 400°C. Hal ini berbeza dengan hasil yang dilaporkan oleh Watanabe dan Kikuchi (1986), iaitu pada suhu di bawah 400°C, tidak berlaku keseimbangan Bi_2O_3 dan perubahan fasa tetragon menjadi kiub fluorit hanya berlaku pada suhu 720°C.

Komposisi 25 mol% Y_2O_3 dan 75 mol% Bi_2O_3 telah banyak diguna pakai dalam pembuatan elektrolit SSOP sebagai oksida pengalir ion. Pada komposisi kandungan Y_2O_3 terendah, penjelmaan fasa baru tidak berlaku dan mempunyai kandungan kekonduksian tertinggi pada julat suhu yang luas. Walau bagaimanapun, pengoptimuman kandungan komposisi yttria terstabil bismut (YSB) sahaja tidak mencukupi untuk menurunkan rintangan sel. Pembentukan lapisan YSB di atas permukaan elektrolit sedia ada atau dipanggil elektrolit dwi lapisan dilihat berpotensi tinggi dalam mengurangkan rintangan ionik pada komponen elektrolit.

Kebiasaannya, komponen elektrolit bagi SFOP bersuatu sederhana-rendah diperbuat daripada bahan seria terdop seperti SDC kerana mempunyai kekonduksian ion yang tinggi dan mudah untuk disediakan. Namun, seria diketahui memiliki sifat kekonduksian elektron seiring dengan penurunan suhu operasi menyebabkan berlakunya penurunan OCP. Bagi mengatasi masalah pencampuran antara kekonduksian elektron dan kekonduksian ionik di elektrolit pada suhu operasi sederhana-rendah, satu lapisan filem nipis boleh disalut pada permukaan elektrolit sedia ada untuk membentuk elektrolit dwi lapisan (Virkar 1991).

Salutan elektrolit YSZ dengan ketebalan sekitar 2 μm di permukaan elektrolit sedia ada (elektrolit seria) akan meningkatkan OCP daripada 65% sehingga 80% (Virkar 1991). Salutan seria terdop yttria (*yttria doped ceria*, YDC) dengan ketebalan 1 μm di atas permukaan elektrolit SDC pula menunjukkan peningkatan OCP sehingga 80% (Park & Wachsman 2006). Selain itu, fungsi elektrolit dwi lapisan juga adalah untuk menghalang elektrolit berasaskan seria daripada mengalami penurunan dalam tekanan separa oksigen dan mengelakkan elektrolit berasaskan bismut daripada terurai dalam persekitaran yang sama (Wachsman et al. 1997).

Kaedah dwi lapisan ini juga boleh digunakan pada kedua-dua permukaan elektrolit iaitu di antara permukaan anod-elektrolit dan katod-elektrolit. Kajian terdahulu menunjukkan kaedah dwi lapisan telah meningkatkan kekonduksian bismut terstabil erbia (erbia stabilized bismuth, ESB) dan SDC. Penyalutan ESB dilakukan pada permukaan elektrod yang mengalami proses pengoksidaan (anod) dan SDC disalut di permukaan elektrod yang mengalami tindak balas penurunan oksigen (katod). Struktur elektrolit SDC menghalang lapisan elektrolit ESB daripada terurai pada tekanan separa oksigen yang rendah seperti ditunjukkan dalam Rajah 7.



RAJAH 7. Konsep elektrolit dwi lapisan ESB/SDC menunjukkan kesan ketebalan lapisan elektrolit dwi lapisan terhadap tekanan separa oksigen antara muka. Wachsman et al. (1992)

SDC bertindak sebagai elektrolit pada permukaan elektrod yang berlaku percampuran ion dan elektron pada tekanan separa oksigen setempat. Pemindahan sejumlah ion pada dwi lapisan elektrolit ESB/SDC menjadi lebih banyak berbanding pada elektrolit SDC sahaja kerana dwi lapisan ESB/SDC akan menghalang fluks elektron daripada melintasi elektrolit dan hanya memberi laluan kepada ion-ion oksida, O^{2-} sahaja. Peranan sebagai penghalang fluks elektron menyebabkan ketebalan dwi lapisan menjadi parameter utama yang menarik untuk diselidiki.

Analisis berkaitan keupayaan dan potensi elektrolit 51 lapisan untuk YSB/SDC telah diselidiki oleh (Huang et al. 2008; Panuh et al. 2014; Virkar 1991; Zhang et al. 2011). Nilai tekanan separa oksigen bagi dua elektrolit ditentukan oleh nisbah ketebalan elektrolit, kekondusian ionik dan kekondusian elektron daripada kedua-dua elektrolit. Ketebalan YSB di bawah 2 μm didapati telah melindungi elektrolit secara pukal dan nisbah ketebalan CeO_3/YSB adalah besar. Jika tekanan separa oksigen pada antara muka terlalu dekat dengan bahan api (fuel) dan filem YSB sangat tumpat, ianya akan menyebabkan berlakunya penurunan seri. Penggunaan lapisan nipis sera (di bawah 10 μm) dengan lapisan nipis YSB di bawah 6 μm akan memberikan pengurangan rintangan yang rendah dan mengelakkan penurunan sera daripada berlaku. Elektrolit nipis YSB mencegah sera daripada mengalami penurunan dan menyekat kekondusian elektron merentasi elektrolit. Dalam pada itu, lapisan elektrolit SDC pula berfungsi sebagai penyokong YSB agar struktur elektrolit menjadi stabil dan kukuh (Zhang et al. 2011).

KESIMPULAN

Prestasi elektrolit dwi lapisan YSB/SDC dikawal oleh kadar ketebalan elektrolit dwi lapisan SDC dan YSB itu sendiri. Penyelidikan tentang elektrolit dwi lapisan SDC/YSB pada masa kini tidak banyak mendapat perhatian para penyelidik kerana usaha banyak tertumpu pada penghasilan bahan baharu bagi elektrolit SFOP bersuhu sederhana-rendah. Justeru, kajian penyelidikan berkaitan potensi elektrolit dwi lapisan YSB/SDC

perlu dilakukan dengan lebih terperinci untuk menentukan keberkesanan pendekatan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia di atas tajaan projek ini melalui Geran Universiti Penyelidikan GUP-2016-045.

RUJUKAN

- Abdalla, A.M., Hossain, S., Azad, A.T. & Petra, P. M.I. 2018. Nanomaterials for solid oxide fuel cells: A review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews* 82: 353-368. [62]
- Ahmed, K. & Föger, K. 2017. Analysis of equilibrium and kinetic models of internal reforming on solid oxide fuel cell anodes: Effect on voltage, current and temperature distribution. *Journal of Power Sources* 343: 83-93.
- Anwar, M.A.M. A.S., Abdalla, A.M., Somalu, M.R. & Muchtar, A. 2017. Effect of sintering temperature on the microstructure and ionic. *Processing and Application of Ceramics* 11(1): 67-74.
- Anwar, M., Muchtar, A. & Somalu, M.R. 2016. Effects of Various Co-Dopants and Carbonates on the Properties of Doped Ceria-Based Electrolytes: A Brief Review Electrolytes for SOFCs. *International Journal of Applied Engineering Research* 11(19): 9921-9928. [17]
- Aspiala, M., Sukhomlinov, D. & Taskinen, P. 2014. Standard thermodynamic properties of Bi_2O_3 by a solid-oxide electrolyte EMF technique. *Journal of Chemical Thermodynamics* 75(1): 8-12. [46]
- Baharuddin, N.A., Muchtar, A. & Somalu, M.R. 2017. Short review on cobalt-free cathodes for solid oxide fuel cells. *International Journal of Hydrogen Energy* 42: 9149-9155. [45]
- Baharuddin, N.A., Muchtar, A., Sulong, A.B. & Abdullah, H. 2013. Fabrication methods for planar solid oxide fuel cells: A review. *Advanced Materials Research* 662: 396-401. [22]
- Barnett, S.A. 1990. A new solid oxide fuel cell design based on thin film electrolytes. *Energy* 15(1): 1-9. [29]
- Biswas, M. & Sadanala, K. 2013. Electrolyte materials for solid oxide fuel cells (SOFCs). *Powder Metallurgy & Mining* 2(7): 26-55. [36]
- Buccheri, M.A., Singh, A. & Hill, J.M. 2011. Anode-versus electrolyte-supported Ni-YSZ/YSZ/Pt SOFCs: Effect of cell design on OCV, performance and carbon formation for the direct utilization of dry methane. *Journal of Power Sources* 196(3): 968-976. [13]
- Changzhen, W., Xiuguang, X.U. & Baozhen, L.I. 1984. Ionic and electronic conduction of oxygen ion conductors in the $\text{Bi}_2\text{O}_3-\text{Y}_2\text{O}_3$ system. *Solid State Ionics* 13(3): 135-140.
- Conceicao, L.d., Silva, C.R.B., Ribeiro, N.F.P. & Souza, M. M. V. M. 2009. Influence of the synthesis method on

- the porosity, microstructure and electrical properties of $\text{La}_{0.7}\text{Sr}_{0.3}\text{MnO}_3$ cathode materials. *Materials Characterization* 60(12): 1417-1423.
- 20** Dziurdzia, B., Magonski, Z. & Jankowski, H. 2015. Commercialisation of solid oxide fuel cells - opportunities and forecasts. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* 104: 1-12.
- 28** Faro, M.L., Rosa, D.L., Antonucci, V. & Arico, A.S. 2009. Intermediate temperature solid oxide fuel cell electrolytes. *Journal of the Indian Institute of Science* 89(4): 363-380.
- Harwig, H.A. & Weenk, J.W. 1978. Phase Relations in Bismuthsesquioxide. *Journal of Inorganic and General Chemistry* 44(1): 167-177.
- Huang, C., Wen, T. & Fung, K. 2006. Orientation-controlled phase transformation of Bi_2O_3 during oxidation of electrodeposited Bi film. *Materials Research Bulletin* 41: 110-118.
- 19** Huang, K. & Goodenough, J.B. 2009. *Solid oxide fuel cell technology Principles, performance and operations*. Woodhead Publishing.
- Huang, S., Zhou, G. & Xie, Y. 2008. Electrochemical performances of $\text{Ag}-(\text{Bi}_2\text{O}_3)_{0.75}(\text{Y}_2\text{O}_3)_{0.25}$ composite cathodes. *Journal of Alloys and Compounds* 464: 322-326.
- 20** Irshad, M., Siraj, K., Raza, R., Ali, A., Tiwari, P., Zhu, B., Rafique, A., Ali, A., Ullah, M.K., & Usman, A. 2016. A brief description of high temperature solid oxide fuel cell's operation, materials, design, fabrication technologies and performance. *Applied Sciences* 6(3): 75.
- Iwahara, H., Esaka, T. & Sato, T. 1981. Formation of high oxide ion conductive phases in the sintered oxides of the system $\text{B}_2\text{O}_3\text{-Ln}_2\text{O}_3$ ($\text{Ln} = \text{La-Yb}$). *Journal of Solid State Chemistry* 39: 173-180.
- 24** Joh, D.W., Park, J.H., Kim, D.Y., Yun, B. & Lee, K.T. 2016. High performance zirconia-bismuth oxide nanocomposite electrolytes for lower temperature solid oxide fuel cells. *Journal of Power Sources* 320: 267-273.
- 1** Kharton, V.V., Marques, F.M.B. & Atkinson, A. 2004. Transport properties of solid oxide electrolyte ceramics: A brief review. *Solid State Ionics* 174(1-4): 135-149.
- Labrincha, J.A., Frade, J.R., & Marques, F.M.B. 1993. $\text{La}_2\text{Zr}_2\text{O}_7$ formed at ceramic electrode/YSZ contacts. *Journal of Materials Science* 28: 3809-3815.
- Leng, Y.J., Chan, S.H., Jiang, S.P. & Khor, K.A. 2004. Low-temperature SOFC with thin film GDC electrolyte prepared in situ by solid-state reaction. *Solid State Ionics* 170: 9-15.
- 7** Liu, M., Ding, D., Bai, Y., He, T. & Liu, M. 2012. An efficient sofc based on samaria-doped ceria (SDC). *Journal of the electrochemical society* 159(6): 661-665.
- 5** Liu, M., Lynch, M.E., Blinn, K., Alamir, F.M. & Choi, Y. 2011. Rational SOFC material design: New advances and tools. *Materials Today* 14(11): 534-546.
- 2** Ma, Q., Ma, J., Zhou, S., Yan, R., Gao, J. & Meng, G. 2007. A high-performance ammonia-fueled SOFC based on a YSZ thin-film electrolyte. *Journal of Power Sources* 164(1): 86-89.
- 17** Ma, Y., Singh, M., Wang, X., Yang, F., Huang, Q. & Zhu, B. 2014. Study on GDC-KZnAl composite electrolytes for low-temperature solid oxide fuel cells. *International Journal of Hydrogen Energy* 39(30): 17460-17465.
- 44** Mahmud, L.S., Muchtar, A. & Somalu, M.R. 2017. Challenges in fabricating planar solid oxide fuel cells: A review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews* 72: 105-116.
- Marinšek, M. 2009. Electrical conductivity of sintered lsm ceramic. *Materiali In Tehnologije* 43(2): 79-84.
- Medernach, J.W. & Snyder, R.L. 1978. Powder Diffraction patterns and structures of the bismuth oxides. *Journal of the American Ceramic Society* 61: 494-497.
- 43** Nahar, G., Mote, D. & Dupont, V. 2017. Hydrogen production from reforming of biogas: Review of technological advances and an Indian perspective. *Renewable and Sustainable Energy Reviews* 76: 1032-1052.
- Norberg, S.T., Eriksson, S.G. & Hull, S. 2011. Comparison of short-range ion-ion correlations in the α , β and δ phases of Bi_2O_3 . *Solid State Ionics* 192(1): 409-412.
- Panuh, D., Muchtar, A., Muhamad, N., Majlan, E.H. & Daud, W.R.W. 2014. Elektrolit Dwi Lapisan $\text{Sm}_{0.2}\text{Ce}_{0.8}\text{O}_{1.90}$ (SDC)/ $\text{Y}_{0.25}\text{Bi}_{0.75}\text{O}_{1.5}$ (YSB) untuk sel fuel oksida pepejal bersuhu sederhana. *Sains Malaysiana* 43(11): 1769-1774.
- Paria, M.K. & Maiti, H.S. 1984. Electrical conduction in barium cerate doped with M_2O_3 ($\text{M} = \text{La, Nd, Ho}$). *Solid State Ionics* 13: 285-292.
- Park, J. & Wachsman, E.D. 2006. Stable and high conductivity ceria/bismuth oxide bilayer electrolytes for lower temperature solid oxide fuel cells. *Ionics* 12: 15-20.
- Raharjo, J., Muchtar, A., Daud, W.R.W., Muhamad, N. & Majlan, E.H. 2012. Pencirian fizikal dan terma komposit seramik elektrolit SDC-(Li/Na)₂CO₃. *Sains Malaysiana* 41(1): 95-125.
- Rahman, H.A., Muchtar, A., Muhamad, N. & Abdullah, H. 2010. Komposit $\text{La}_{1-x}\text{Sr}_x\text{Co}_{1-y}\text{Fe}_{y}\text{O}_{3-\delta}$ (LSCF) sebagai bahan katod tahan lama bagi sel fuel oksida pejal bersuhu sederhana-rendah: ulasan kajian. *Jurnal Kejuruteraan* 22: 1-10.
- Ranran, P., Yan, W., Lizhai, Y. & Zongqiang, M. 2006. Electrochemical properties of intermediate-temperature SOFCs based on proton conducting Sm-doped BaCeO₃ electrolyte thin film. *Solid State Ionics* 177: 389-393.
- 9** Shuk, P., Wiemhofer, H.D., Guth, U., Gopel, W. & Greenblatt, M. 1996. Oxide ion conducting solid electrolytes based on Bi_2O_3 . *Solid State Ionics* 89: 179-196.
- 8** Singh, B., Ghosh, S., Aich, S. & Roy, B. 2017. Low temperature solid oxide electrolytes (LT-SOE): A review. *Journal of Power Sources* 339: 103-135.
- Stambouli, a.B. & Traversa, E. 2002. Solid oxide fuel cells (SOFCs): A review of an environmentally clean and efficient source of energy. *Renewable and Sustainable Energy Reviews* 6(5): 433-455.

- 41
- Steele, B.C.H. 1996. Ceramic ion conducting membranes. *Solid State & Materials Science* 1(5): 684-691.
- 23 Steele, B.C.H. & Heinzel, A. 2001. Materials for fuel-cell technologies. *Nature* 414: 345-352.
- 50 Sugiura, S., Shibata, Y., Shimamura, K., Misawa, M., Shimojo, F. & Yamaguchi, S. 2016. Role of oxygen vacancy in dissociation of oxygen molecule on SOFC cathode: Ab initio molecular dynamics simulation. *Solid State Ionics* 285: 209-214.
- 4 Tian, R., Zhao, F., Chen, F. & Xia, C. 2011. Sintering of Samarium-doped ceria powders prepared by a glycine-nitrate process. *Solid State Ionics* 192(1): 580-583.
- 49 Van Roosmalen, J.A. & Cordfunke, E.H. 1992. Chemical reactivity and interdiffusion of (La,Sr) MnO₃ and (Zr,Y)O₂, solid oxide fuel cell cathode and electrolyte materials. *Solid State Ionics* 52: 303-312.
- 12 Verkerk, M.J. & Burggraaf, A.J. 1981. High oxygen ion conduction in sintered oxides of the Bi₂O₃-Ln₂O₃ system. *Solid State Ionics* 4: 463-467.
- 38 Virkar, A.V. 1991. Theoretical analysis of solid oxide fuel cells with two-layer, composite electrolytes: electrolyte Stability. *Journal of Electrochemical Society* 138(5): 1481-1487.
- 6 Wachsman, E.D., Ball, G.R., Jiang, N. & Stevenson, D.A. 1992. Tructural and defect studies in solid oxide electrolytes. *Solid State Ionics* 52: 213-218.
- 59 Wachsman, E. D., Jiang, N., Lowe, D. M. & Pounds, B.G. 1997. Stable high conductivity ceria/bismuth oxide bilayered electrolytes. *Journal of Electrochemical Society* 144(1): 233-236.
- 58 Watanabe, A. & Kikuchi, T. 1986. Cubic-hexagonal transformation of yttria-stabilized Σ -bismuth sesquioxide, Bi_{2-2x}Y_{2x}O₃ (x = 0.215 – 0.235). *Solid State Ionics* 21: 287-291.
- 1
- Wincewicz, K.C. & Cooper, J.S. 2005. Taxonomies of SOFC material and manufacturing alternatives. *Journal of Power Sources* 140(2): 280-296.
- 18 Yamamoto, O. 2000. Solid oxide fuel cells: fundamental aspects and prospects. *Electrochimica Acta* 45(15-16): 2423-2435.
- Zhang, L., Li, L., Zhao, F., Chen, F. & Xia, C. 2011. Sm_{0.2}Ce_{0.8}O_{1.9}/Y_{0.25}Bi_{0.75}O_{1.5} bilayered electrolytes for low-temperature SOFCs with Ag-Y_{0.25}Bi_{0.75}O_{1.5} composite cathodes. *Solid State Ionics* 192(1): 557-560.
- 31
- Rul Akidah Baharuddin
Fuel Cell Institute,
Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Malaysia.
- *Andanastuti Muchtar
Fuel Cell Institute,
Centre for Engineering Materials and Smart Manufacturing (CEMS), Faculty of Engineering & Built Environment,
Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Malaysia.
- 48
- Dedikarni Panuh
Department of Mechanical Engineering,
Faculty of Engineering,
Universitas Islam Riau, Pekanbaru, Riau, Indonesia.
- *Corresponding author;
email: muchtar@ukm.edu.my

Received date: 9th April 2018

Accepted date: 13th September 2018

Online First date: 1st October 2018

Published date: 30th November 2018

Elektrolit Dwi Lapisan bagi Sel Fuel Oksida Pepejal Bersuhu Sederhana-Rendah: Ulasan Kajian

ORIGINALITY REPORT

% 18 SIMILARITY INDEX	% 15 INTERNET SOURCES	% 16 PUBLICATIONS	% 11 STUDENT PAPERS
--------------------------	--------------------------	----------------------	------------------------

PRIMARY SOURCES

- 1 theses.univ-batna.dz % 1
Internet Source
- 2 Fuhrmann, Jürgen, Marlene Hülsebrock, and Ulrike Krewer. "Energy Storage Based on Electrochemical Conversion of Ammonia", Transition to Renewable Energy Systems STOLTEN ENERGY PROCESS O-BK, 2013. % 1
Publication
- 3 Marianna Gambino, Francesco Giannici, Alessandro Longo, Stefania Di Tommaso, Frédéric Labat, Antonino Martorana. "Dopant Clusterization and Oxygen Coordination in Ta-Doped Bismuth Oxide: A Structural and Computational Insight into the Mechanism of Anion Conduction", The Journal of Physical Chemistry C, 2015 % 1
Publication
- 4 Fariza Kalyk, Algita Stankevičiūtė, Gintarė Budrytė, Giedrė Gaidamavičienė et al. "Comparative study of samarium-doped ceria % 1

nanopowders synthesized by various chemical synthesis routes", Ceramics International, 2020

Publication

5 etheses.bham.ac.uk

Internet Source

% 1

6 Nathan A. S. Webster, Chris D. Ling, Frank J. Lincoln. " Structure–property relationships in fluorite-type Bi O –Yb O –PbO solid-electrolyte materials ", Powder Diffraction, 2014

Publication

<% 1

7 Submitted to LNM Institute of Information Technology

Student Paper

<% 1

8 Submitted to Daegu Gyeongbuk Institute of Science and Technology

Student Paper

<% 1

9 psasir.upm.edu.my

Internet Source

<% 1

10 B. Kapusta, M. Guilloté. "Molecular dynamics study of the perovskite MgSiO₃ at high temperature: structural, elastic and thermodynamical properties", Physics of the Earth and Planetary Interiors, 1993

Publication

<% 1

11 Zeyang Luo, Huan Wang, Yuxin Ma, Guodong Zhang, Duanting Yan, Xinyu Bai, Dejun Wang,

<% 1

Runru Liu. " High ionic conductivity of Lu O –TiO co-doped Bi O ceramics ", Materials Research Express, 2021

Publication

-
- 12 doc.utwente.nl <% 1
Internet Source
-
- 13 fr.scribd.com <% 1
Internet Source
-
- 14 Yu-Lin Kuo, Sagung Dewi Kencana, Yi-Jun Lin. "Atmospheric Pressure Plasma Jet Fabricating of Porous Silver Electrocatalyst as a Promising Approach to the Creation of Cathode Layers of Low Temperature Solid Oxide Fuel Cells", Surface and Coatings Technology, 2021 <% 1
Publication
-
- 15 eprints.usm.my <% 1
Internet Source
-
- 16 Submitted to University of St Andrews <% 1
Student Paper
-
- 17 research.aalto.fi <% 1
Internet Source
-
- 18 www.durablepower.eu <% 1
Internet Source
-
- 19 journal.frontiersin.org <% 1
Internet Source

- 20 Sudhanshu Dwivedi. "Solid oxide fuel cell: Materials for anode, cathode and electrolyte", International Journal of Hydrogen Energy, 2020 Publication <% 1
- 21 Alireza Pesaran, Abhishek Jaiswal, Yaoyu Ren, Eric D. Wachsman. "Development of a new ceria/yttria-ceria double-doped bismuth oxide bilayer electrolyte low-temperature SOFC with higher stability", Ionics, 2019 Publication <% 1
- 22 etd.adm.unipi.it Internet Source <% 1
- 23 library.cu.edu.tr Internet Source <% 1
- 24 ejournal2.undip.ac.id Internet Source <% 1
- 25 sciencepubco.com Internet Source <% 1
- 26 era.library.ualberta.ca Internet Source <% 1
- 27 www.material.chula.ac.th Internet Source <% 1
- 28 Mandeep Kaur, Gurbinder Kaur, V. Kumar. "Understanding intermediate temperature solid oxide fuel cells", Elsevier BV, 2020 <% 1

29

Submitted to University of Nottingham

<% 1

Student Paper

30

Submitted to Universiti Tenaga Nasional

<% 1

Student Paper

31

doaj.org

<% 1

Internet Source

32

epubl.ktu.edu

<% 1

Internet Source

33

"Advances in Medium and High Temperature Solid Oxide Fuel Cell Technology", Springer Science and Business Media LLC, 2017

<% 1

Publication

34

www.comsol.fr

<% 1

Internet Source

35

Hui Hui Lim, Erick Sulistya, May Yuan Wong, Babak Salamatinia, Bahman Amini Horri.

<% 1

"Chapter 6 Ceramic Nanocomposites for Solid Oxide Fuel Cells", Springer Science and Business Media LLC, 2017

Publication

36

Novosel, Barbara, Marjan Marinšek, and Jadran Maček. "Deactivation of Ni-YSZ Material in Dry Methane and Oxidation of Various Forms of Deposited Carbon", Journal of Fuel Cell Science

<% 1

and Technology, 2012.

Publication

37

Meng Xia, Lichao Jia, Jin Li, Yongpeng Liu, Xin Wang, Bo Chi, Jian Pu, Li Jian. "Effects of co-doped barium cerate additive on morphology, conductivity and electrochemical properties of samarium doped ceria electrolyte for intermediate temperature solid oxide fuel cells", International Journal of Hydrogen Energy, 2018

<% 1

Publication

38

J FLEIG. "3.2 Ceramic Fuel Cells", Handbook of Advanced Ceramics, 2003

<% 1

Publication

39

Swagata Bandyopadhyay, Abhigyan Dutta. "Optical and ionic transport mechanism γ -phase stabilized nanostructured Bi-Ce-O ionic conductors: a structure-property correlation study", Ionics, 2018

<% 1

Publication

40

web.anl.gov

Internet Source

<% 1

41

Zhang, L.. "Synthesis and characterization of doped La⁹ASi⁶O²6".5 (A = Ca, Sr, Ba) oxyapatite electrolyte by a water-based gel-casting route", International Journal of Hydrogen Energy, 201105

<% 1

Publication

42

ecologicalaquaculture.org

Internet Source

<% 1

43

Sema Z. Baykara, Halit Eren Figen, Meltem Karaismailoglu. "Environmental Issues With Hydrogen Production", Elsevier BV, 2020

Publication

<% 1

44

[Submitted to UCSI University](#)

Student Paper

<% 1

45

ukmsarjana.ukm.my

Internet Source

<% 1

46

Van-Huy Nguyen, Ha Huu Do, Tuan Van Nguyen, Pardeep Singh et al. "Perovskite oxide-based photocatalysts for solar-driven hydrogen production: Progress and perspectives", Solar Energy, 2020

Publication

<% 1

47

repositorio.unesp.br

Internet Source

<% 1

48

Nur Fazliana Rahim, Mahmud Othman, Rajalingam Sokkalingam, Evizal Abdul Kadir.

"Forecasting Crude Palm Oil Prices using Fuzzy Rule-Based Time Series Method", IEEE Access, 2018

Publication

<% 1

49

ejournal.undip.ac.id

Internet Source

<% 1

-
- 50 espace.library.uq.edu.au <% 1
Internet Source
-
- 51 "Materials Issues for Solid Oxide Fuel Cells Design", Handbook of Clean Energy Systems, 2015. <% 1
Publication
-
- 52 Mengran Li, Wei Zhou, Zhonghua Zhu. " Highly CO -Tolerant Cathode for Intermediate-Temperature Solid Oxide Fuel Cells: Samarium-Doped Ceria-Protected SrCo Ta O Hybrid ", ACS Applied Materials & Interfaces, 2017 <% 1
Publication
-
- 53 "Nano-structural effect on SOFC durability", Sustainable Energy Developments, 2015. <% 1
Publication
-
- 54 repository.its.ac.id <% 1
Internet Source
-
- 55 rahartri.blogspot.com <% 1
Internet Source
-
- 56 "State-of-the-Art Thin Film Electrolytes for Solid Oxide Fuel Cells", Thin Film Structures in Energy Applications, 2015. <% 1
Publication
-
- 57 napier-surface.worktribe.com <% 1
Internet Source
-

58	journalarticle.ukm.my Internet Source	<% 1
59	savoirs.usherbrooke.ca Internet Source	<% 1
60	"Solid Oxide Fuel Cells", Wiley, 2020 Publication	<% 1
61	www.kygc.net Internet Source	<% 1
62	Mehdi Rahimi Takami, Davood Domiri Ganji, Mojtaba Aghajani Delavar, Shahriar Bozorgmehri. "Role of Carbon Dioxide Reforming Reaction Rate of Methane in Solid Oxide Fuel Cell Simulation: Effect of Inlet Fuel Related Parameters", Energy Sources, Part A: Recovery, Utilization, and Environmental Effects, 2020 Publication	<% 1
63	Nor Anisa Arifin, Lina Troskialina, Abd Halim Shamsuddin, Robert Steinberger-Wilckens. "Effects of Sn doping on the manufacturing, performance and carbon deposition of Ni/ScSZ cells in solid oxide fuel cells", International Journal of Hydrogen Energy, 2020 Publication	<% 1

EXCLUDE QUOTES ON

EXCLUDE OFF
BIBLIOGRAPHY

EXCLUDE MATCHES OFF